



30 Mei 2011
30 May 2011
P.U. (A) 177

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT)
(PINDAAN) (NO. 6) 2011

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA)
(AMENDMENT) (NO. 6) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959
PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT)
(PINDAAN) (NO. 6) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Perlis, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 6) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Mei 2011.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “Negeri Perlis Indera Kayangan”—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 9 butiran yang berikut:


“10. (Laluan 79): *Jalan Ulu Pauh Chuping-Padang Besar*

Dari Jalan Kuala Perlis-Changlun (Laluan 194) di Persimpangan Bertingkat Ulu Pauh termasuk jalan-jalan susurnya di koordinat Utara (U) 714686.89, Timur (T) 262953.37 dan berakhir di persimpangan Jalan Kangar-Padang Besar (Laluan 7) di koordinat Utara (U) 736794.59, Timur (T) 259371.23 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 7: Jalan Ulu Pauh Chuping-Padang Besar, Negeri Perlis.

Jarak sepanjang 28.5 km.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas “Peta 6: Jalan Kaki Bukit-Wang Kelian, Negeri Perlis” peta yang berikut:

“PETA 7: JALAN ULU PAUH CHUPING-PADANG BESAR, NEGERI PERLIS



Dibuat 12 Mei 2011
 [KKR.PUU.110-1/6/6; PN(PU2)391/XXIII]

DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
 Menteri Kerja Raya

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat di bawah seksyen 4 Akta Jalan Persekutuan 1959]

FEDERAL ROADS ACT 1959

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT)
(NO. 6) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Federal Roads Act 1959 [Act 376], the Minister, after consultation with the State Government of Perlis, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (West Malaysia) (Amendment) (No. 6) Order 2011**.

(2) This Order comes into operation on 31 May 2011.

Amendment of First Schedule

2. The Federal Roads (West Malaysia) Order 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] is amended in the First Schedule under the heading of “Negeri Perlis Indera Kayangan”—

(a) by inserting after item 9 the following item:


“10. (*Route 79*): *Ulu Pauh Chuping-Padang Besar Road*

From Kuala Perlis-Changlun Road (Route 194) at Ulu Pauh Interchange including its slip roads at coordinates North (N) 714686.89, East (E) 262953.37 and ending at the junction of Kangar-Padang Besar Road (Route 7) at coordinates North (N) 736794.59, East (E) 259371.23 as shown on Map 7: Ulu Pauh Chuping-Padang Besar Road, Negeri Perlis.

A distance of 28.5 km.”; and

(b) by inserting after “Map 6: Kaki Bukit-Wang Kelian Road, Negeri Perlis” the following map:

“MAP 7: ULU PAUH CHUPING-PADANG BESAR ROAD, NEGERI PERLIS



Made 12 May 2011
[KKR.PUU.110-1/6/6; PN(PU2)391/XXIII]

DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Minister of Works

[To be laid before the Dewan Rakyat under section 4 of the Federal Roads Act 1959]